

SAMBAR BIRU BAKAU
Mangrove Blue Flycatcher

FAMILI: Muscicapidae
NAMA SAINTIFIK: *Cyornis rufigastra*

CIRI-CIRI

Burung ini mempunyai warna biru pudar di bahagian atas badan dengan warna di bahagian dahi dan kening adalah lebih pudar. Di bawah bahagian badan pula, ia berwarna kemerahan pekat yang kelihatan agak pudar manakala warna oren kekuningan di bawah tongkeng dan warna putih di bahagian perut. Anggaran saiz bagi burung ini adalah 14.5 sm.

MAKANAN

Makanan utama spesies ini terdiri daripada serangga-serangga kecil.

HABITAT

Burung ini biasanya boleh ditemui di kawasan hutan paya bakau dan juga kawasan semak yang berdekatan dengan paya bakau.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi seakan bunyi Sambar Kelicap Ranting (*Cyornis tickelliae*); *tissis-swii* "ii" "ii"....tetapi nadanya lebih perlahan.

PEMBIAKAN

Ia membina sarang berbentuk cawan di dalam lubang pokok palma yang telah mati. Ketinggian sarang adalah sehingga 6 m dari aras tanah. Musim membiak burung ini adalah dari bulan Mac hingga Julai setiap tahun. Burung betina mampu menghasilkan 2 biji telur pada setiap kali ia bertelur.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.